

Syarikat UK mahu bersama bangunkan projek 'kereta terbang' Malaysia
Astro Awani
30 Mac 2019
Israr Khalid,

LANGKAWI: Kesungguhan Malaysia dalam membangunkan teknologi 'kereta terbang' telah mendapat perhatian pemain industri dunia, dan ada yang mahu membantu.

Konsep kenderaan *electronic vertical take-off and landing* (eVTOL) semakin popular dalam industri aeroangkasa dunia di mana sudah wujud gerakan untuk memanifestasikan idea kenderaan masa depan itu menjadi nyata.

Hari keempat Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2019 menyaksikan satu memorandum persefahaman (MoU) penting ditandatangani antara Strand Aerospace Malaysia (SAM) Sdn Bhd dengan Samad Aerospace Ltd pada Jumaat.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof menyaksikan MoU itu ditandatangani oleh Pengurus Pembangunan Perniagaan SAM, Afif Badrulhisham dengan Ketua Eksekutif Samad Aerospace, Seyed Mohseni.

Samad Aerospace, syarikat aeroangkasa berpangkalan di United Kingdom sedang membangunkan konsep teksi udara modular yang boleh bergerak di darat dan meluncur di udara bernama *Home & Urban Mobility Aircraft* (HUMA).

Kata Seyed Mohseni, kerajaan Malaysia dan industri tempatan sangat berminat dengan konsep HUMA ini, melihat kerjasama ini satu langkah untuk terlibat dalam bahagian baru sektor aeroangkasa yang cukup berpotensi.

“Satu daripada sebabnya kami di sini adalah untuk pembiayaan.

“Kami menyedari bahawa pelabur sektor swasta di Asia lebih progresif jika dibandingkan dengan pelabur Eropah serta 'venture capital funds' di Amerika Syarikat,” maklum Mohseni yang katanya juga telah berbincang mengenai konsep kenderaan terbang mereka dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ini, Samad Aerospace juga pada masa sama sedang membangunkan e-Starling, kenderaan elektrik-hibrid yang terlepas dan mendarat seperti dron.

Mereka mendasarkan versi skala separuh e-Starling boleh diterbangkan pada penghujung 2019, sementara prototaip HUMA bersedia untuk dipersembahkan pada pertunjukan udara Farnborough 2020.

Sementara itu, Afif memaklumkan bahawa kenderaan udara SAM masih dalam fasa pembangunan, di mana ia perlu melalui proses rekaan, kejuruteraan dan pensijilan, yang menjadi kepakaran SAM.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/syarikat-uk-mahu-bersama-bangunkan-projek-kereta-terbang-malaysia-202604>